



Ibu bapa perlu bimbing anak pilih subjek Tingkatan 4

Fokus minat dan kebolehan, bukan sekadar pencapaian akademik

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhpendidikan@bh.com.my

Baru-baru ini timbul kebimbangan dalam kalangan ibu bapa terhadap pakej subjek Tingkatan 4 dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang ditawarkan di sekolah menengah.

Kebimbangan itu berpunca daripada pemilihan pakej subjek tidak selaras dengan keperluan kemasukan ke program pengajian tertentu, yang boleh menyebabkan merit pelajar menjadi rendah, sekali gus menjejaskan kelayakan mereka untuk memasuki program Matrikulasi atau program prauniversiti tertentu walaupun memperoleh keputusan SPM yang cemerlang.

Pengarah Pusat Kokurikulum Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Dr Razman Hafifi Redzuan, berkata pemilihan aliran atau pakej subjek ke Tingkatan Empat umumnya ditetapkan pihak sekolah berdasarkan pencapaian akademik akhir tahun pelajar semasa berada di Ting-

katan Tiga.

“Di sekolah, sudah ditetapkan kriteria dan syarat tertentu bagi membolehkan seseorang pelajar memasuki aliran yang dipohon.

“Namun ketetapan ini berbeza antara sekolah, namun masih mempunyai standard yang hampir sama,” katanya.

Bagaimanapun katanya, pencapaian akademik bukanlah penentu mutlak kerana dalam keadaan tertentu, sekiranya pelajar tidak memenuhi syarat berdasarkan gred yang ditetapkan, perbincangan bersama pihak pengurusan tertinggi sekolah berkemungkinan boleh mempengaruhi keputusan berkenaan.

Namun, terdapat risiko yang perlu ditanggung oleh pelajar sekiranya mereka tidak mampu mengikuti atau menguasai pelajaran yang diajar dalam aliran berkenaan.

Persetujuan anak

Justeru katanya, perkara utama yang wajib diberi perhatian namun sering diambil mudah oleh ibu bapa ialah pengisian borang pemilihan saluran pengajian.

“Dalam membuat pemilihan berkenaan, selain mengambil kira minat anak, ibu bapa juga perlu menganalisis kemampuan anak secara menyeluruh bermula dari Tingkatan Satu, bukan hanya pencapaian Tingkatan Tiga sahaja.

“Lebih utama katanya, perse-

bagi mengelakkan rasa kecewa yang menyebabkan anak hilang minat belajar,” katanya.

Tambahnya lagi, ibu bapa perlu berperanan untuk menasihati anak-anak, bagi memastikan pemilihan pakej pelajaran itu sesuai, diminati dan layak diikuti. Ia termasuk juga komitmen tinggi pelajar itu terhadap tuntutan kerja kursus dan sebagainya.

Pemahaman antara hubungan pakej pengajian dan kerjaya masa hadapan juga katanya, perlu ditekankan supaya pemilihan yang dibuat benar-benar bersesuaian dengan kemampuan dan hala tuju anak.

“Pendedahan awal oleh kaunselor mengenai keperluan pencapaian merit untuk diterima masuk ke Program Matrikulasi perlu diperkasakan.

“Hal ini kerana terdapat pelajar yang cemerlang dalam akademik tetapi tidak mempunyai merit kokurikulum mencukupi, sekali gus menjejaskan markah keseluruhan dan menyebabkan mereka tidak terpilih walaupun memperoleh gred A bagi subjek wajib.

“Oleh itu, gabungan merit subjek wajib, subjek elektif dan merit kokurikulum perlu difahami dengan jelas oleh pelajar serta ibu bapa,” katanya.

Beliau berkata, sekiranya ibu bapa mengesan kemungkinan pakej subjek yang dipilih tidak sesuai dengan kebolehan atau

minat anak, ibu bapa perlu segera berbincang dengan pihak sekolah.

“Ibu bapa tidak seharusnya hanya reda atau menerima bulat-bulat keputusan yang dibuat oleh anak atau pihak sekolah semata-mata, kerana pemilihan pakej subjek SPM adalah faktor penting yang menentukan hala tuju dan kemenjadian anak pada masa hadapan,” katanya.

Beri ruang untuk pelajar

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Dr Tajularipin Sulaiman, berkata dalam konteks Program pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), terdapat tiga aliran iaitu STEM A, B dan C.

“Pada pandangan saya, ketiga-tiga aliran ini memberi ruang dan peluang kepada pelajar Tingkatan Empat dan Lima untuk memilih mata pelajaran yang selari dengan minat dan prospek kerjaya masing-masing.

“Dengan adanya kepelbagaian STEM itu, ia akan lebih memberikan ruang untuk pelajar memilih apakah minat dan prospek kerjaya mereka pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun, ibu bapa perlu berperanan untuk memberi nasihat kepada anak-anak mereka berkaitan dengan bidang dan juga masa

“Pemilihan aliran atau pakej subjek ke Tingkatan Empat umumnya ditetapkan pihak sekolah berdasarkan pencapaian akademik akhir tahun pelajar semasa berada di Tingkatan Tiga”

Dr Razman Hafifi Redzuan,
Pengarah Pusat
Kokurikulum UMK
Sembilan



“Dengan adanya kepelbagaian STEM itu, ia akan lebih memberikan ruang untuk pelajar memilih apakah minat dan prospek kerjaya mereka pada masa akan datang”

Dr Tajularipin Sulaiman,
Pensyarah
Fakulti Pengajian
Pendidikan UPM



depan mereka.

Katanya, sekiranya anak-anak menunjukkan minat terhadap bidang Sains, ibu bapa perlu memberikan nasihat dan bimbingan bagi menentukan pakej STEM yang paling sesuai dengan minat serta peluang prospek kerjaya anak-anak.

Justeru, ibu bapa perlu memainkan peranan penting untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar ini sentiasa ada dalam keadaan yang dibimbing serta diberi sokongan dari segi bantuan pembelajaran berkaitan keperluan-keperluan untuk mereka belajar.

Katanya, tidak dinafikan ibu bapa memainkan peranan penting kerana ilmu ini bukan sahaja berkaitan dengan pembelajaran, malah disiplin ilmu sains itu sendiri mampu membentuk jati diri dan personaliti pelajar.

“Justeru, pemilihan STEM amat penting bagi menentukan masa depan serta membentuk karakter pelajar itu sendiri,” katanya.